(i) dalam perenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan "adjudication" dengan perkataan "bankruptcy order"; dan

(ii) dalam perenggan *(d)*, dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy".

Pindaan seksyen 33A

35. Subseksyen 33A(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "the receiving order and the order by which he was adjudged bankrupt were made" dengan perkataan "of the bankruptcy order".

Pindaan seksyen 33B

36. Seksyen 33B Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Notwithstanding subsection (2), no objection shall be made against—

(a) a bankrupt who was adjudged bankrupt by reason of him being a social guarantor;

(b) a bankrupt who is registered as a person with disability under the Persons with Disabilities Act 2008 [*Act 685*];

(c) a deceased bankrupt; and

(d) a bankrupt suffering from a serious illness certified by a Government Medical Officer.".

PARLIMEN MALAYSIA

Seksyen baharu 33C

37. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 33B seksyen yang berikut:

"**Automatic discharge**

33C. (1) A bankrupt shall be discharged from bankruptcy under this section on the expiration of three years from the date of the submission of the statement of affairs under subsection 16(1)—

(a) if the bankrupt has achieved amount of target contribution of his provable debt; and

(b) if the bankrupt has complied with the requirement to render an account of moneys and property to the Director General of Insolvency under paragraph 38(1)*(b)*.

(2) Contribution of the bankrupt's provable debt referred to in paragraph 1*(a)* shall be determined by the Director General of Insolvency and the Director General of Insolvency shall take into account—

(a) the provable debt of the bankrupt;

(b) the current monthly income of the bankrupt;

(c) the extent to which the current monthly income of the bankrupt's spouse may contribute to the maintenance of the bankrupt's family;

(d) the monthly income that the bankrupt may reasonably be expected to earn over the duration of the bankrupty, taking into account—

(i) the previous and current monthly income of the bankrupt;

(ii) the educational and vocational qualifications, age and work experience of the bankrupt;

(iii) the range of monthly income earned by persons who are employed in occupations, positions or roles similar to that in which the bankrupt is, or can be expected to be, employed;

(iv) the effect which the bankruptcy may have on the bankrupt's earning capacity or other income;

(v) the prevailing economic conditions; and

(vi) the period of time during which the bankrupt is likely to be capable of earning a meaningful income;

(e) the reasonable expenses for the maintenance of the bankrupt and the bankrupt's family; or

(f) the property of the bankrupt under paragraph 48(1)*(b)* which may be realized during the period of three years.

(3) For the purposes of a discharge under this section, the Director General of Insolvency shall serve a notice of the discharge to each of his creditors not less than six months before the expiration of the period referred to in subsection (1), but such notice shall not be served earlier than a year before the expiration of such period.

(4) A creditor who wishes to object to the discharge under this section shall, within twenty-one days from the date the notice in subsection (3) is served on him, make an application as prescribed to the court for an order to suspend the discharge under this section, but no objection shall be made except on the following grounds:

(a) that the bankrupt has committed any offence under this Act or under section 421, 422, 423 or 424 of the Penal Code;

(b) that the discharge under this section would prejudice the administration of the bankrupt's estate; or

(c) that the bankrupt has failed to co-operate in the administration of estate.

(5) A creditor who fails to file an application in accordance with subsection (4) is deemed to have no objection to the discharge.

(6) A notice of application under subsection (4) shall be served on the Director General of Insolvency and the bankrupt at least fourteen days before the date of hearing of the application and the court shall hear the Director General of Insolvency and the bankrupt before making an order on the application.

(7) Upon an application made under subsection (4), the court may, if it thinks just and expedient—

(a) dismiss the application and approve the discharge under this section; or

(b) suspend the discharge under this section for a period of two years.

(8) Where the court makes an order under paragraph (7)*(b)*, the bankrupt shall—

(a) continue to fulfil his duties and obligations under this Act during that period; and

(b) be discharged automatically at the end of the two years' period.

(9) The Director General of Insolvency shall, upon the application of any interested person and payment of the prescribed fee, issue a certificate of automatic discharge to the applicant—

(a) upon the making of an order under paragraph (7)*(a)*; or

(b) where there is no objection under subsection (4), on the expiration of the period referred to in paragraph (1)*(a)*.".

PARLIMEN MALAYSIA

Pindaan seksyen 36

38. Perenggan 36(2)*(a)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "adjudication of bankruptcy" dengan perkataan "bankruptcy order".

Pindaan seksyen 38

39. Seksyen 38 Akta ibu dipinda dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

"**Duties and disabilities of bankrupt**".

Pindaan seksyen 45

40. Seksyen 45 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "order of adjudication" dengan perkataan "bankruptcy order"; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan '"order of adjudication"' dengan perkataan '"bankruptcy order"'.

Pindaan seksyen 47

41. Seksyen 47 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy"; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan ", receiving order or adjudication" dengan perkataan "or bankruptcy order".

PARLIMEN MALAYSIA

Pindaan seksyen 49

42. Seksyen 49 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy";

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy"; dan

(ii) dengan memotong perkataan "being followed by an order adjudging him bankrupt,"; dan

(c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "an order of adjudication" dengan perkataan "a bankruptcy order".

Pindaan seksyen 55

43. Subseksyen 55(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "the adjudication" dengan perkataan "a bankruptcy order has been made".

Pindaan seksyen 62

44. Subseksyen 62(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "adjudication" dengan perkataan "bankruptcy order has been made".

Pindaan seksyen 72

45. Seksyen 72 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**debtor's**" dengan perkataan "**bankrupt's**"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "debtor" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bankrupt".

PARLIMEN MALAYSIA

Pindaan seksyen 73

46. Seksyen 73 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "debtor's" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bankrupt's";

(b) dengan menggantikan perkataan "debtor" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bankrupt"; dan

(c) dalam perenggan (1)*(f)*, dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy".

Pindaan seksyen 77

47. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Consolidated" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Insolvency Assistance".

Seksyen baharu 77A

48. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 77 seksyen yang berikut:

"**Insolvency Assistance Fund**

77A. (1) A fund to be known as the "Insolvency Assistance Fund" is established and shall be administered and controlled by the Director General of Insolvency.

(2) The Fund shall consist of—

(a) the profit of the investment under section 77; and

(b) all costs, fees, charges and moneys recovered by the Director General of Insolvency in any proceedings taken under this Act in which moneys from the Fund were applied.

PARLIMEN MALAYSIA

(3) Subject to subsection (4), the Fund may be applied by the Director General of Insolvency for all or any of the following purposes:

(a) for the payment of all costs, fees and allowances to advocates or other persons in any proceedings on behalf of a bankrupt's estate or to recover assets of the estate;

(b) for the payment of such costs and fees in the administration of a bankrupt's estate as the Director General of Insolvency may determine;

(c) for the payment of any expenses to provide an efficient and effective administration of a bankrupt's estate that meets an appropriate standard of service; or

(d) for such other purposes as may be prescribed.

(4) No moneys from the Fund shall be applied for any proceedings where, in the opinion of the Director General of Insolvency, there is no reasonable ground for taking, defending, continuing or being a party to the proceedings or where there are sufficient moneys for such purpose in the bankrupt's estate.".

PARLIMEN MALAYSIA

Pindaan seksyen 84A

49. Subseksyen 84A(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "debtor's" dengan perkataan "bankrupt's".

Pindaan seksyen 104

50. Proviso kepada subseksyen 104(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "the receiving order has been rescinded or the order of adjudication" dengan perkataan "bankruptcy order".

Pindaan seksyen 105

51. Seksyen 105 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**adjudication**" dengan perkataan "**bankruptcy order**";

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "adjudication" dengan perkataan "bankruptcy order";

(c) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan "an adjudication" dengan perkataan "a bankruptcy order"; dan

(d) dengan memotong subseksyen (5).

Pindaan seksyen 106

52. Seksyen 106 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy";

(b) dengan menggantikan perkataan "debtor's" dengan perkataan "bankrupt's";

(c) dengan memotong perenggan *(b)*; dan

(d) dalam perenggan *(d)*, dengan menggantikan perkataan "debtor" dengan perkataan "bankrupt".

Pindaan seksyen 108

53. Subseksyen 108(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy";

(b) dengan menggantikan perkataan "debtor" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bankrupt"; dan

PARLIMEN MALAYSIA

(c) dengan menggantikan perkataan "debtor's" dengan perkataan "bankrupt's".

Pindaan seksyen 109

54. Seksyen 109 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan "or in respect of whose estate a receiving order has been made under this Act"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "receiving" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "bankruptcy".

Pindaan seksyen 114

55. Subseksyen 114(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan "or in respect of whose estate a receiving order has been made".

Pindaan seksyen 134

56. Seksyen 134 Akta ibu dipinda—

(a) dengan memotong subseksyen (1) dan (2); dan

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "all such" dengan perkataan "any".

Penggantian kepala

57. Akta ibu dipinda dengan menggantikan kepala "*Debtor's Books*" yang terdapat sebelum seksyen 135 dengan kepala yang berikut:

"*Bankrupt's Books*".

PARLIMEN MALAYSIA

Pindaan seksyen 135

58. Seksyen 135 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "**debtor's**" dengan perkataan "**bankrupt's**"; dan

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "debtor" dengan perkataan "bankrupt".

Pemotongan Jadual B

59. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual B.

Kecualian

60. (1) Akta ini tidak terpakai bagi penghutang atau bankrap yang terhadapnya perintah penerimaan atau penghakiman telah dibuat sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Apa-apa prosiding, tindakan atau apa-apa perkara yang dikehendaki untuk dibuat di bawah Akta ibu yang masih belum selesai sebaik sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), subseksyen 33B(2A) hendaklah terpakai bagi orang yang telah dihukum bankrap sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini ("Akta yang dicadangkan") bertujuan untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 ("Act 360"). Akta yang dicadangkan bertujuan, antara lain, untuk mengukuhkan peruntukan yang berhubungan dengan penjamin dan penjamin sosial, untuk menaikkan nilai hutang minimum bagi memfailkan petisyen kebankrapan, untuk memasukkan jenis pelepasan yang lain iaitu pelepasan automatik, untuk mengukuhkan peruntukan yang berhubungan dengan penyampaian notis kebankrapan dan petisyen pemiutang, untuk memasukkan

suatu mekanisme penyelamat prakebankrapan, untuk memasukkan perintah tunggal bagi kebankrapan iaitu "perintah kebankrapan" bagi menggantikan sistem perintah dua peringkat iaitu "perintah penerimaan dan perintah penghukuman", untuk menubuhkan Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain dan perkara berbangkit.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 360 untuk menerangkan bahawa Akta 360 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan ketidaksolvenan dan kebankrapan individu. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan suatu mekanisme penyelamat baharu yang dinamakan perkiraan sukarela atas pilihan penghutang sebelum perintah kebankrapan dibuat oleh mahkamah terhadapnya. Pindaan ini juga merupakan gambaran kepada amalan standard antarabangsa di kalangan negara maju seperti United Kingdom dan Singapura yang perundangan kebankrapannya mengandungi peruntukan yang serupa dengan perkiraan sukarela. Selanjutnya, *fasal* ini bertujuan untuk mengharmonikan pindaan yang dibuat pada tahun 2003 bagi menukar nama Pegawai Pemegang Harta kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Berbangkit daripada itu, tajuk ringkas Akta 360 dipinda oleh *fasal* 4.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am bagi menggantikan perkataan "receiving" dengan perkataan "bankruptcy" dan perkataan "debtor" dengan perkataan "bankrupt" berbangkit daripada pemasukan perintah kebankrapan tunggal ke dalam Akta 360.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan mengenai Akta Kebankrapan 1967 dalam apa-apa undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, selepas Akta yang dicadangkan ini berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Insolvensi 1967.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 360 untuk memasukkan tafsiran baharu dan meminda tafsiran tertentu yang sedia ada.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda kepala Bahagian I untuk menerangkan bahawa Bahagian I mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perkiraan sukarela dan prosiding dalam kebankrapan.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 2A, 2B, 2C, 2D, 2E, 2F, 2G, 2H, 2I, 2J, 2K, 2L, 2M, 2N, 2O, 2P dan 2Q ke dalam Akta 360. Seksyen baharu 2A yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan terma perkiraan sukarela ke dalam Akta 360. Seksyen baharu 2B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa peruntukan yang berhubungan dengan perkiraan sukarela tidak terpakai bagi bankrap yang belum dilepaskan dan perkongsian liabiliti terhad mengikut pengertian di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*].

Seksyen baharu 2C yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penghutang boleh, pada bila-bila masa sebelum dia dihukum bankrap, mencadangkan suatu perkiraan sukarela dan bagi maksud cadangan tersebut

penghutang hendaklah melantik penama dan membuat permohonan kepada mahkamah bagi perintah interim bagi perkiraan sukarela.

Seksyen baharu 2D dan 2E yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa mahkamah untuk membuat perintah interim dan kesan kepada perintah interim itu.

Seksyen baharu 2F, 2G dan 2H yang dicadangkan bertujuan untuk memperincikan orang yang boleh bertindak sebagai penama, pendaftaran penama dan kewajipan Ketua Pengarah Insolvensi untuk menyimpan dan menyenggara daftar penama.

Seksyen baharu 2I, 2J, 2K dan 2L yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan penama untuk mengendalikan mesyuarat pemiutang untuk meluluskan perkiraan sukarela yang dicadangkan menurut perintah interim yang dibuat oleh mahkamah dan mengadakan peruntukan bagi tindakan yang perlu diambil pada akhir mesyuarat itu.

Seksyen baharu 2M yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan penghutang untuk menggantikan penama sedia ada dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan penggantian itu dalam tempoh perintah interim dan untuk menjalankan kewajipan penama terdahulu.

Seksyen baharu 2N yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa penama hendaklah menyelia pelaksanaan perkiraan sukarela apabila perkiraan sukarela itu diluluskan oleh pemiutang. Selanjutnya, seksyen baharu yang dicadangkan ini memberi kuasa kepada pihak-pihak dalam perkiraan sukarela itu untuk memohon bagi semakan semula oleh mahkamah apa-apa tindakan, peninggalan atau keputusan oleh penama semasa pelaksanaan perkiraan sukarela itu.

Seksyen baharu 2O dan 2P yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesan akibat daripada kegagalan penghutang untuk mematuhi perkiraan sukarela dan untuk mengadakan peruntukan bagi penamatan perkiraan sukarela.

Seksyen baharu 2Q yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan skala fi yang akan dikenakan oleh penama supaya fi yang sesuai dikenakan berkenaan dengan perkiraan sukarela.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 360 untuk mengadakan peruntukan bagi cara penyampaian notis kebankrapan.

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 360 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah kebankrapan apabila petisyen kebankrapan dikemukakan sama ada oleh pemiutang atau penghutang.

11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 360 untuk menaikkan nilai minimum hutang bagi pemfailan petisyen kebankrapan daripada tiga puluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa pemiutang tidak boleh memulakan prosiding kebankrapan terhadap

penjamin sosial. Berhubung dengan penjamin selain penjamin sosial, pemiutang tidak boleh memulakan prosiding kebankrapan melainkan jika pemiutang itu telah mendapat keizinan mahkamah.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 360 untuk mengadakan peruntukan bagi cara penyampaian petisyen pemiutang.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 360 untuk menjelaskan bahawa mahkamah tidak boleh menghukum seorang pekongsi firma bankrap melainkan jika pekongsi itu dibuktikan sebagai seorang pekongsi firma melalui pengakuan atau keterangannya secara bersumpah.

14. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 360 untuk mengadakan peruntukan bagi kesan perintah kebankrapan berikutan daripada pemotongan seksyen 24.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk memotong seksyen 9 Akta 360 supaya selaras dengan sistem perintah tunggal.

16. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda seksyen 12 Akta 360 untuk melarang seorang penghutang daripada dilantik sebagai seorang pengurus khas.

17. *Fasal 18* bertujuan untuk memotong seksyen 14 Akta 360 supaya selaras dengan sistem perintah tunggal.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 360 supaya selaras dengan sistem perintah tunggal. Seksyen 16 sedia ada menghendaki penyerahan penyata hal ehwal semasa peringkat perintah penerimaan, namun di bawah pindaan ini, penyata hal ehwal diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi selepas perintah kebankrapan dibuat terhadap penghutang.

19. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 360 supaya selaras dengan sistem perintah tunggal, supaya mahkamah mengendalikan pemeriksaan awam bagi seorang bankrap selepas dia dihukum bankrap. Seksyen 17 sedia ada membenarkan pemeriksaan awam bagi penghutang semasa peringkat perintah penerimaan.

20. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 360 berhubung dengan komposisi atau skim perkiraan hal ehwal seseorang bankrap. Seksyen 18 sedia ada memberi pemiutang kuasa untuk menerima cadangan bagi komposisi atau skim perkiraan oleh penghutang semasa peringkat perintah penerimaan, sementara seksyen 26, yang serupa dengan seksyen 18, membenarkan komposisi atau skim perkiraan yang dicadangkan oleh bankrap selepas perintah penghukuman. Walau bagaimanapun, memandangkan pindaan bertujuan untuk memperkenalkan perintah tunggal kebankrapan, tiada lagi komposisi atau skim perkiraan di bawah perintah penerimaan dan oleh itu, seksyen 18 dipinda untuk memenuhi cadangan bagi komposisi atau skim oleh bankrap selepas penghukumannya. Suatu peruntukan juga dimasukkan dalam seksyen 18 untuk memberi kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan perintah kebankrapan apabila mahkamah meluluskan komposisi atau skim yang telah diterima oleh pemiutang.

21. *Fasal 25* bertujuan untuk memotong seksyen 19, 20, 21, 22 dan 23 Akta 360. Seksyen 19 dipotong memandangkan kesan komposisi atau skim di bawah seksyen ini tidak lagi terpakai pada peringkat perintah kebankrapan dan sebagai pindaan berbangkit berhubung dengan pemasukan perintah tunggal bagi kebankrapan. Seksyen 20 bagi pendaftaran surat ikatan perkiraan dipotong oleh yang demikian seksyen 21 hingga 23 dipotong sebagai pindaan berbangkit daripada pemotongan seksyen 20.

22. *Fasal 27* bertujuan untuk memotong seksyen 24 Akta 360 sebagai akibat pemasukan perintah tunggal bagi kebankrapan dan untuk memotong seksyen 26 Akta 360 berhubung dengan komposisi atau skim perkiraan selepas perintah penghukuman memandangkan elemen bagi peruntukan ini telah digabungkan dalam seksyen 18 Akta 360.

23. *Fasal 28, 29, 30, 32, 33, 34* dan *35* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 27, 28, 29, 31, 32, 33 dan 33A Akta 360 berbangkit daripada pemasukan perintah tunggal bagi kebankrapan.

24. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 360 memandangkan cara untuk mengarahkan semula surat melalui telegram tidak lagi relevan.

25. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 33B Akta 360 untuk menyenaraikan kategori bankrap yang terhadapnya tiada bantahan boleh dibuat bagi pelepasan di bawah seksyen 33A Akta 360.

26. *Fasal 37* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 33C ke dalam Akta 360 untuk mengadakan peruntukan bagi jenis pelepasan yang lain iaitu pelepasan automatik. Menurut seksyen baharu ini, bankrap hendaklah dilepaskan daripada kebankrapannya selepas tiga tahun dari tarikh penyerahan penyata hal ehwalnya tertakluk kepada syarat bahawa bankrap hendaklah mencapai sasaran sumbangan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi, bantahan oleh pemiutang dan pematuhan bankrap dengan kehendak untuk menyerahkan suatu akaun wang dan harta.

27. *Fasal 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45* dan *46* ialah pindaan berbangkit daripada pemasukan perintah tunggal bagi kebankrapan.

28. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda seksyen 77 Akta 360 untuk memperuntukkan bahawa keuntungan dan dividen daripada pelaburan wang lebihan hendaklah dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi yang ditubuhkan di bawah seksyen baharu 77A.

29. *Fasal 48* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 77A ke dalam Akta 360 untuk mengadakan peruntukan bagi mengenai penubuhan Kumpulan Wang Bantuan Insolvensi yang akan ditadbir dan dikawal oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi maksud untuk mencapai peningkatan pentadbiran dan prosiding yang berhubungan dengan kebankrapan.

30. *Fasal 49, 50, 51, 52, 53, 54* dan *55* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 84A, 104, 105, 106, 108, 109 dan 114 Akta 360 berbangkit daripada pemasukan perintah tunggal bagi kebankrapan.

PARLIMEN MALAYSIA

31. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda seksyen 134 Akta 360 berbangkit daripada pindaan seksyen 18 Akta 360.

32. *Fasal 59* bertujuan untuk memotong Jadual B Akta 360 berbangkit daripada pemotongan seksyen 20.

33. *Fasal 60* mengandungi peruntukan kecualian.

34. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2801]

PARLIMEN MALAYSIA